



# KEBERKESANAN KAEDAH NAZĀM UNTUK MENINGKATKAN DAYA HAFALAN ILMU HADIS DALAM KALANGAN PELAJAR MA'HAD TAHFIZ

(The Use of *Nazām* Method in Improving Memorization of *Hadith* Among *Tahfiz* Students)

Iswandi Harahap<sup>1</sup>, Muhammad 'Azim Mohd Rodhi<sup>2</sup>, Muhamad Wazir Muslat<sup>3</sup>, Adlin Salleh<sup>4</sup>, Mualimin Mochammad Sahid<sup>5</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, <sup>4</sup>Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor,

<sup>5</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

The *Qur'an* and *hadith* are the main sources of reference for determining the legal status in Islam. Both of these references are preserved their originality in written and memorized form. However, the process of memorizing the *Qur'an* becomes easier compared to the process of memorizing *hadith* because Allah S.W.T has made it easier for the *Quran* to be read, memorized and studied as compared to *hadith*. To know the authenticity of a *hadith* requires sanad, matan and narrator which musalsal to the Prophet S.A.W. Thus, memorizing a *hadith* is more complicated than memorizing the *Qur'an*. Therefore, to facilitate the memorization process requires a unique method that can help students remember and memorize the *hadith*. Among the methods used in the process of memorizing *hadith* is by using the method of *nazām*. This study was conducted to identify the effectiveness of the method of *nazām* in the process of memorizing and improving the memorization of *hadith* subjects among students of *Ma'had Tahfiz* by using qualitative methods. In this study, 10 *hadiths* of the Prophet related to the responsibility of children to parents, pillars of Islam, pilgrimage, prohibition of Allah in changing His creation, the importance of intention in *ibadah*, doubt in determining the number of *rak'at* in *salah*, love of the prophet, the provisions of slaughter, *qurban*, *adab* giving and answering *salam* were selected and studied on 20 form 4 students of *Mahad Tahfiz Science and Technology Darul Ehsan Port Klang*. The research instruments used were secondary data and Pre and Post Test. Secondary data and theories used show that the method of *nazām* has been proven to improve *hadith* memorization by increasing the mean value of a positive test from 33.0 to 50.4.

**Kata Kunci:** *nazām*, *hadith* memorization, *tahfiz*.

## Article Progress

Received: 11 February 2022

Revised: 10 March 2022

Accepted: 2 April 2022

\*Corresponding Author:

Iswandi Harahap.

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor

Email:

iswandi@unisel.edu.my

## PENDAHULUAN

Hadis merupakan sumber rujukan hukum kedua selepas al-Quran yang bersumber dari perkataan, perbuatan dan penetapan Nabi Muhammad S.A.W terhadap sesuatu perkara yang dibenarkan secara *taqrīr* oleh nabi sendiri (al- Marasalī, 2017). Semasa zaman baginda S.A.W, pemeliharaan hadis dilakukan melalui proses penghafalan sebahagian sahabat yang kemudiannya menyampaikan hafalan-hafalan mereka kepada sahabat-sahabat lain melalui kaedah *talaqī* dan *tasmi'*. Kesemuanya berlaku secara lisan dan tanpa rekod penulisan. Ketika itu, baginda melarang para sahabatnya untuk menulis hadis dalam bentuk apapun sama ada pada kulit kayu, kulit binatang, tulang atau lainnya kerana ditakuti akan berlaku percampuran antara al-Quran dan hadis. Sekiranya terdapat tulisan hadis di kalangan para sahabat maka baginda memerintahkan untuk memadam hadis tersebut dalam bentuk apapun (al-Jurdānī, 2019).

Melalui proses hafalan ini telah berjaya mengekalkan keaslian hadis dan juga mampu menguatkan daya ingatan dan pemahaman mereka terhadap sesuatu hadis yang disampaikan berdasarkan kepada *asbāb al-wurūd* dan *wāqī'* pada masa tersebut. Proses penghafalan hadis yang dilakukan oleh para sahabat ini diteruskan oleh generasi *tābi'īn* seterusnya generasi *tābi' al-tābi'īn* sehingga zaman sekarang. Proses

pemeliharaan hadis pada zaman baginda dan generasi sahabat dilihat kompleks kerana memerlukan daya ingatan yang kuat untuk menghafalnya. Demikianlah juga proses penghafalan hadis pada masa kini juga mengalami kesulitan kerana memerlukan penghafalan kepada *rāwī* dan *sanad* yang panjang. Justeru inovasi dan kreativiti diperlukan untuk membantu proses menghafal hadis pada masa yang sama meningkatkan daya ingatan dan minat para pelajar kepadanya.

### **Kelebihan Menghafal Hadis**

Meskipun hadis-hadis nabi boleh didapati secara mudah dalam pelbagai bentuk simpanan sama ada pita rakaman, cakera padat, *recorder*, *online*, *maktabah shāmilah*, penulisan dan buku ataupun dalam bentuk video dan audio namun umat Islam perlu mengekalkan kaedah hafalan supaya hadis-hadis ini tidak hilang ditelan zaman. Kaedah hafalan hadis juga masih relevan untuk diterapkan kepada muslimin dan para pelajar hari ini kerana ia termasuk dalam usaha membantu agama Allah S.W.T, menghidupkan *sunnah* dan mengikuti *manhaj salāf al-ṣāliḥ*.

Walaupun teks hadis boleh didapati dalam pelbagai bentuk dan aplikasi moden namun aplikasi ini kadangkala mengalami kelemahan seperti ketiadaan talian atau berlakunya sesuatu bencana seperti banjir, tanah runtuh dan kerosakan alat elektronik yang boleh menyukarkan seseorang yang berhajat untuk memperolehi teks tersebut. Justeru dengan hafalan, seseorang tidak lagi bimbang kepada kemungkinan kehilangan teks hadis.

Selain itu, penghafaz hadis secara langsung dapat membentuk kemuliaan sahsiah diri dan mengelakkan dirinya dari melakukan perbuatan mungkar. Hafalan hadis di dalam dada setidak-tidaknya menjadi benteng kepada penghafaz daripada terlibat dengan sebarang kemungkaran dan maksiat. Selain itu moral, akhlak dan keperibadian mulia juga dapat dibentuk dengan baik dengan mengaplikasi hadis nabi dalam kehidupan seharian (Daud et al., 2020). Oleh itu, usaha menyuburkan kecintaan terhadap hafalan hadis perlu dipupuk dalam jiwa seorang muslim khususnya para pelajar pada masa kini yang terdedah dengan pelbagai cabaran dan aktiviti yang tidak sihat. Aktiviti menghafal hadis dapat mengoptimalkan waktu lapang berbanding bermain gajet, pada masa yang sama ia juga mampu menajamkan daya ingatan mereka sehingga berupaya membimbing mereka ke arah kebaikan. Pada masa yang sama perbuatan-perbuatan yang merugikan masa depan mereka dapat dihindari. Kelebihan lain ialah Allah S.W.T akan menyerikan wajah seseorang yang mendengar hadis daripada nabi S.A.W kemudian dia menghafalnya dan menyampaikannya pula kepada orang lain (al-Tirmīdhī, 1996) sehingga boleh jadi orang itu menjadi lebih *faqih* daripada orang yang pertama menyampaikannya (Zain, 2009).

Penghafaz hadis adalah termasuk dalam doa nabi dan sudah tentu akan memperolehi kedudukan tinggi dan terpuji. Bahkan terdapat hadis-hadis lain yang tergolong *ḍa'if* menurut ulama hadis seperti yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawī (2014) menerusi kitabnya yang masyhur *Ḥadīṣ al-Arba'īn al-Nawawīyyah* bahawa seseorang yang terlibat dalam menghafal 40 hadis berkaitan agama akan tergolong sebagai *faqīh*, ulama (Abdullah Jalil, 2020) dan *syuhadā* yang berhak memperolehi *syafa'āt* dan berhak pula untuk memasuki syurga daripada mana-mana pintu yang dia sukai (al-Jurdānī, 2019). Walaupun jumhur ulama hadis menyatakan hadis ini sebagai *ḍa'if* tetapi mereka bersetuju untuk menjadikannya sebagai sandaran *fadāl 'amal* dan *targhīb* untuk memelihara dan meningkatkan kecintaan seseorang terhadap hadis (al-Masat, 1978). Daripada sini para ulama telah mengumpulkan hadis 40 dalam asas-asas Islam dan prinsip-prinsip hukum syariat bagi memudahkan urusan pembacaan dan hafalan seperti yang telah dilakukan oleh Abdullāh ibn al-Mubārak, Muḥammad ibn Aslam, Abū Bakar al-Ajūrī dan Imām al-Nawawī.

### **Cabaran Menghafal Hadis**

Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di era globalisasi ini, para pendidik menghadapi kerumitan ketika mendidik dan menarik minat pelajar untuk menghafal, mempelajari dan mendalami hadis. Umumnya, kaedah pembelajaran hadis yang sering digunakan oleh para pendidik secara tradisional adalah dengan menggunakan kaedah *al-sama'* dan *talaqī*. Seorang guru akan membaca hafalannya atau catatannya kepada para pelajar. Kemudian para pelajar mendengar, mengulang dan mencatat hadis tersebut. Selain kaedah *al-sama'* dan *talaqī*, terdapat juga kaedah *al-talqīn* dan *al-tasmī'* iaitu dengan para pelajar menghafal terlebih dahulu kemudian

memperdagangkannya kepada guru mereka. Kaedah tradisional ini sememangnya baik dan masih terus diamalkan namun ia mempunyai kekangan antaranya mudah menimbulkan rasa jemu dan menumpulkan minat menghafal para pelajar yang tidak menguasai bahasa Arab. Umumnya, para pelajar yang tidak memiliki latar belakang pengajian bahasa Arab mudah merasa jemu dengan kaedah tradisional (Royo & Mahmood, 2011). Senario ini berlaku kerana bahasa Arab adalah asing dan bukan bahasa ibunda mereka.

Selain itu, terdapat sesetengah sekolah yang menjalankan pembelajaran hadis dengan menggunakan *kitāb turāth* atau *kitāb hadis* yang berbahasa Arab tanpa terjemahan bahasa Melayu. Hal ini boleh merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama guru juga akan menghadapi masalah untuk menyampaikan hadis kepada para pelajar. Faktor-faktor ini jika tidak diatasi dikhuatiri akan menjejaskan hafalan para pelajar yang menatijahkan pula kesukaran untuk beramal dengan hadis-hadis nabi dalam kehidupan seharian mereka.

Justeru, kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah berlagu dan *bernazham* yang dapat merangsang minat pelajar untuk memahami, mendalami dan menghafal hadis perlu digunakan. Teknik ini sudah diterapkan dalam subjek-subjek lain seperti ketika membantu mengenali kedudukan dan bilangan titik *hurūf hijāiyyah* dengan betul (Mohamed, 2016), juga digunakan bagi membantu murid mengingat rukun dan sunat wuduk (Za'ba, 2018), meningkatkan kefahaman topik pembundaran (Pantun, 2016), dan digunakan juga bagi mengenal, menulis dan mengira nombor asas (Peter, 2009). Kaedah ini tergolong sebagai 'teknik didik hiburan' yang menyeronokkan dalam dunia pendidikan (Mohd Salleh & Zulkifli, 2020) malah telah diintegrasikan bersama pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain seperti dalam muzikal dan matematik (Imam Koning et al., 2021).

## SOROTAN LITERATUR

Tidak diragui bahawa hafalan hadis boleh membentuk akhlak dan budi pekerti seseorang menjadi lebih baik berbanding orang yang tidak menghafalnya. Cuma hafalan hadis memerlukan usaha dan teknik yang berkesan bagi memudahkan proses hafalan dan mengelakkan kebosanan. Terdapat beberapa usaha para *mujtahid* bagi memudahkan proses ini antaranya dengan menggunakan kaedah menadah kitab *mu'tabar* kepada guru (Rosli & Mohd Nor, 2015). Ia adalah kaedah tradisional yang biasa digunakan secara turun temurun dan terbukti berjaya melahirkan cendekiawan dan tokoh agamawan pada hari ini. Ia biasanya dipraktikkan di pondok-pondok dan ma'had-ma'had yang menyediakan silibus pembelajaran secara tradisional. Seorang guru akan membacakan setiap hadis kepada muridnya mengikut buku atau kitab yang dibawa dan murid menuturkan bacaan yang telah dibacakan guru kepadanya. Kaedah ini berkesan bagi pelajar yang sudah terbiasa dengan proses pembelajaran ini tetapi menjadi sukar bagi para pelajar yang baru ingin menghafal hadis tanpa ada latar belakang pendidikan pondok.

Usaha lain yang dilakukan adalah dengan menyediakan laman web hadis seperti *al-Durār al-Sāniyyah* (Syed Hassan et al., 2014). Laman web ini disediakan bagi memudahkan para penghafal hadis membuat rujukan mengenainya secara dalam talian pada sebarang waktu. Walaubagaimanapun, hafalan hadis bagi para pelajar secara terbuka dan tanpa menerusi suasana kelas dan persekitaran pembelajaran yang sesuai sering menghilangkan minat dan kesungguhan mereka. Sejajurnya suasana kelas dan pembelajaran secara bersemuka adalah lebih efektif dan menimbulkan minat serta semangat diri para pelajar.

Teknik pembelajaran hadis lain yang biasa digunakan ialah dengan menggunakan buku teks hadis sebagai silibus mata pelajaran di peringkat sekolah (Ilyas Temrin & Muhamed, 2017). Kaedah ini selalunya digunakan di sekolah-sekolah agama rendah dan kebangsaan. Kebiasaannya ia berjaya memberi pengetahuan kepada pelajar tetapi dengan peruntukan waktu pembelajaran yang terhad, kekurangan buku teks hadis di sekolah serta kekurangan alat bantu mengajar boleh merencatkan proses pembelajaran.

Kaedah lain yang telah digunakan dalam meningkatkan minat pelajar dan ingatannya adalah dengan menggunakan pendidikan gaya nabi S.A.W berdasarkan kuliah dan penceritaan (Omar et al., 2014). Kaedah ini meliputi penerangan hadis tentang arahan dan larangan, ancaman dan janji serta penyelesaian masalah dengan menggunakan hadis yang dipelajari. Teknik ini meliputi kemahiran berkomunikasi, bercerita dan berbahasa kiasan. Walaubagaimanapun, kaedah ini hanya boleh digunakan bagi tujuan syarahan umum dan tidak sesuai digunakan bagi proses menghafal.

Peningkatan minat yang mendalam di kalangan masyarakat terhadap ilmu hadis telah mendorong cendekiawan Islam untuk menghasilkan pelbagai kaedah seperti metode *talaqī*, syarahan atau kuliah, metode soal jawab berkaitan hadis, perbincangan, demonstrasi dan hafalan (Mohd Noor & Rosli, 2017). Kaedah-kaedah ini telah dipraktikkan di peringkat pengajian tinggi Malaysia di mana para pensyarah bertindak sebagai seorang *mu'allim* yang menggabungkan teknik pembelajaran secara bersemuka dan atas talian dengan menggunakan jadual dan rajah dalam pembelajaran (Yabi et al., 2017). Kaedah-kaedah ini juga terbukti berkesan namun ia hanya sesuai digunakan bagi masyarakat awam atau mahasiswa yang sudah memahami kurikulum dan silibus pengajaran di pengajian tinggi. Adapun bagi para pelajar ma'had memerlukan teknik lain yang boleh merangsang minat dan daya hafalan mereka.

Kaedah tradisional bagi tujuan menghafal kandungan pembelajaran menjadi beban kepada pelajar kerana hanya memori sementara yang digunakan untuk mengingat fakta dan teori tertentu. Oleh itu, kaedah yang lebih sesuai harus diguna pakai dalam proses menghafal yang mudah dan disimpan dalam ingatan untuk jangka masa yang panjang (Hamzah et al., 2018). Kaedah membaca dan menghafal mungkin hanya sesuai untuk pelajar tertentu dan tidak praktikal untuk pelajar kreatif. Oleh itu, pendekatan berlagu dan *bernazham* ini wajar diperkenalkan kepada pelajar dalam meningkatkan hafalan hadis. Secara umumnya, kaedah berlagu telah pun diterapkan dalam pelbagai subjek seperti fardhu ain, matematik dan sains. Terbukti ia memberi kesan positif apabila sebilangan pelajar mampu mendapatkan hasil keputusan yang cemerlang. Namun, penerapan kaedah ini dalam bidang hadis masih belum digunakan sehingga ia memerlukan kajian keberkesanannya. Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti keberkesanan metode berlagu atau *bernazam* dalam proses menghafal dan meningkatkan daya hafalan mata pelajaran hadis di kalangan pelajar ma'had tahfiz. Kaedah berlagu atau *nasyid* bukan sahaja boleh digunakan sebagai medium pendidikan dan dakwah malah ia juga mampu memberi kesan positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti berlagu adalah menyeronokkan. Ia menjadi strategi istimewa dalam mengatur suara dan ucapan sehingga secara tidak sedar penyampai dan pendengar akan terbawa dalam suasana yang menceriaikan. Lagu dan *nazam* yang berirama boleh menghilangkan tekanan dan bebanan. Pada masa yang sama orang yang terlibat akan bersemangat dan mampu menghafal lirik tanpa sedar. Alunan suara yang indah berupaya meningkatkan kemampuan berfikir malah istilah-istilah yang sukar dihafal juga boleh mudah diingat dengan menggunakan alunan suara yang mengasyikkan sama ada secara lisan atau audio.

Nyanyian, *nasyid* atau syair boleh dikategorikan sebagai muzik yang boleh menjadi medium hiburan, dakwah dan pendidikan, terapi batin seperti sufi (Mustapha & Mubarak, 2006) dan juga terapi medis dalam merehatkan jiwa dan fikiran. Nyanyian juga tergolong sebagai gubahan susunan kata, kalimat atau lirik yang dilagukan dan diiringi dengan irama alunan muzik atau bunyi dan suara tertentu yang sesuai dengan kata-kata atau kalimat yang disebutkan (Baharom, 2005). Menerusi bait-bait lagu, lirik dan ucapan tersebut para pelantun dapat menyampaikan informasi, pesan, hasrat dan perasaan yang terpendam kepada para pendengar sehingga mereka mampu menghayatinya dengan mudah tanpa ada paksaan Mesej yang disampaikan dalam bentuk irama memudahkan para pendengar untuk berinteraksi dan menghafal lirik-lirik bait yang disampaikan tanpa sedar.

Alunan bait syair atau nyanyian tidak dapat dipisahkan dari umat Islam kerana beberapa panduan ibadah yang dilakukan juga memerlukan kepada suara yang merdu untuk menarik minat jemaah dan syiar Islam itu sendiri seperti laungan azan, bacaan al-Quran dan doa (al-Qaradāwī, 1996) bahkan sesiapa yang membaca al-Quran tanpa *tajwid* dan alunan suara yang benar dianggap telah melakukan kesalahan dan dosa (Hammad, 2002). Fitrah semula jadi manusia menyukai bunyi-bunyian yang indah (Che Seman et

al., 2014) oleh itu nyanyian dan muzik sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada khalayak ramai terutama golongan remaja yang menyukai hiburan dan suka mencuba sesuatu yang baru.

Minat yang mendalam di kalangan remaja terhadap lagu tidak boleh disekat dan dihalang sebaliknya hendaklah disalurkan kepada aktiviti berlagu yang bermanfaat dan berilmu seperti menghafal al-Quran dan hadis. Walaupun seseorang itu boleh mengadaptasikan lagu yang berirama ketika menghafal hadis tetapi bukan bermakna hadis boleh dilagukan secara semberono seperti mengikut rentak dan irama lagu popular. Melagukan hadis bermaksud seseorang tersebut membacakan hadis dengan bertajwid mengikuti kaedah *nahh* dan *saraf* serta berhenti di tempat yang sempurna lafaz, kalimat dan maknanya sehingga pembacaan hadis tersebut tidak cacat atau tercela. Seperti mana seseorang tersebut wajib membaca al-Quran dengan bertajwid maka begitu juga dengan melantunkan hadis secara berlagu. Lagu dan *nazham* hadis perlu mengikuti garis panduan yang benar supaya tidak merubah makna dan lafaznya. Perkara ini bersesuaian dengan pendapat Mohamad Kamil Ab Majid dan Muhammed Yusof (2008) yang menyebutkan bahawa Islam tidak menghalang umatnya untuk mengadaptasi sesuatu sama ada ia berasal dari barat mahupun timur, asalkan ia menepati kriteria-kriteria yang digariskan dan sesuai dengan adat setempat yang tidak bercanggah dengan syarak.

Oleh itu, kaedah berlagu atau *bernazam* telah diadaptasikan sebagai kaedah pembelajaran dan pengajaran efektif yang dapat merangsang minat pelajar sekaligus meningkatkan daya ingatan dan hafalan murid umpamanya ketika mengatasi masalah miskonsepsi dalam kalangan murid tahun 3 dalam topik magnet oleh Hisyamuddin Abdul Razab dan Amir Hamzah Sharaai (2012). Hasil kajian mendapati bahawa orang yang mengalami masalah miskonsepsi dapat diatasi sekaligus dapat mengatasi salah fakta di kalangan murid-murid. Selain itu, kaedah berlagu juga boleh diterapkan dalam pelbagai mata pelajaran lain bagi meningkatkan prestasi dan hafalan seperti dalam reka bentuk dan teknologi (Hamzah et al., 2018), penguasaan kosa kata bahasa asing seperti bahasa Jepun di kalangan pelajar dan juga dalam meningkatkan penguasaan kata sendi nama (Abdullah dan Hussin, 2018).

Malah kaedah nyanyian dan akronim yang diberi nafas baru dengan sebutan '*singonim*' iaitu gabungan dari perkataan '*singing*' dan '*akronim*' telah digunakan bagi membantu para pelajar mengingat 13 rukun solat berserta 1 *rukun qalbī*, 5 *rukun qawli* dan 7 *rukun fi'li* (Ahmad, 2019). Gabungan kaedah ini mampu meningkatkan minat pelajar untuk belajar dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Kaedah berlagu juga telah diterapkan terhadap murid prasekolah di Sekolah Kebangsaan Batu Hampar, Bedong bagi meningkatkan kemahiran membaca perkataan 'vk, kvk, vkv, kvkv' dan mengekalkan minat murid untuk belajar (Mat Saad, 2011). Ia terbukti berkesan apabila keseluruhan murid yang telah melalui proses ini dapat membaca perkataan 'vk, kvk, vkv, kvkv' dengan baik pada masa yang sama kaedah ini dapat menarik dan mengekalkan minat murid untuk belajar. Proses pembelajaran seperti ini diyakini mampu meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran ilmu hadis. Dengan menggunakan kaedah berlagu ini, para pelajar diyakini tidak akan merasa terbeban untuk menghafal *sanad* dan *matan* (Muthoharoh, 2017) di samping itu, melalui kaedah ini menjadikan suasana kelas terkawal dan meriah.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, untuk meningkatkan daya ingatan dan mengekalkan hafalan para pelajar memerlukan proses pembelajaran yang aktif dan kreatif (Murad & Abdullah, 2016). Proses pembelajaran konstruktif dengan menggunakan kaedah berlagu yang menekankan penyertaan pelajar dengan menggunakan struktur pengetahuan yang ada dan membina pengetahuan baru yang diperoleh dengan menghubungkan kedua-duanya dalam ingatan mereka dapat menggalakkan pelajar belajar secara kolaboratif.

## METODOLOGI KAJIAN

### Kerangka Konsep Dan Teori

Untuk melihat keberkesanan kaedah berlagu dan *bernazam* dalam meningkatkan daya hafalan hadis, pengkaji telah menjalankan kajian ini di kalangan pelajar tingkatan 4 Mahad Tahfiz Sains dan Teknologi


Darul Ehsan. Pengkaji menggunakan teori konstruktivisme untuk dijadikan sebagai sandaran kajian ini. Konsep ini mampu mempengaruhi manusia untuk menyertai aktiviti secara aktif dan kreatif dalam membina pengetahuan baru sehingga mampu meningkatkan daya hafalan dan pencapaian pelajar (Dhindsa et al., 2011). Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat berkaitan masalah yang perlu dianalisa dan diteliti. Seterusnya pengkaji juga menggunakan kaedah deduktif bagi mengetahui kajian sebelum dan selepas kaedah berlagu atau *bernazam* ini diadaptasikan untuk meningkatkan hafalan hadis.

**Persampelan dan Populasi**

Persampelan berkaitan dengan proses pemilihan hadis dan pelajar digunakan sebagai objek kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4 Mahad Tahfiz Sains dan Teknologi Darul Ehsan (MTSTDE) yang telah mengikuti pembelajaran hadis. Seramai 20 orang pelajar tingkatan 4 dipilih secara rawak dari 2 buah kelas yang terdiri daripada 50 orang pelajar. Seramai 20 orang pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan dan diberikan tugas untuk menghafal 4 buah hadis yang sama. Kumpulan kawalan terdiri dari 10 orang pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran biasa, manakala kumpulan rawatan terdiri dari 10 orang pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah berlagu. Kedua-dua kumpulan ini akan diuji dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca.

**Ujian Pra dan Pasca**

Dalam kajian ini, dua set soalan ujian pra dan ujian pasca disediakan bagi kedua-dua kumpulan A dan B. Soalan ujian tersebut berkaitan 10 hadis nabi S.A.W tentang tanggungjawab anak terhadap ibubapa, rukun Islam, badal haji, larangan Allah S.W.T dalam mengubah ciptaanNya, kepentingan niat dalam setiap perbuatan yang dilakukan, ragu dalam menentukan jumlah bilangan rakaat semasa menunaikan solat, hadis mencintai nabi, pensyariatan sembelihan, pensyariatan qurban dan adab memberi dan menjawab salam. Ujian pra diberikan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula bagi mendapat gambaran pengetahuan sedia ada pelajar mengenai hadis-hadis yang dikaji manakala ujian pasca diberikan setelah selesai semua proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, bagi memastikan kajian yang dijalankan ini mencapai matlamat dan objektif yang digariskan, pengkaji menganalisis data ujian tidak berstruktur bagi mengenal pasti perubahan daripada kedua-dua kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah tradisional dan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah nyanyian.



Rajah 1: kerangka konsep dan teori

## HASIL KAJIAN

Kaedah berlagu atau *bernazam* berkonsepkan konstruktivisme dapat menarik minat pelajar untuk ikut serta dan berkolaborasi dalam aktiviti menghafal hadis dengan ceria. Kajian analisis data menunjukkan bahawa kaedah ini dapat meningkatkan hafalan hadis berdasarkan 10 Hadis yang dipelajari dengan melihat markah dan gred ujian sebelum dan selepas diaplikasikan kaedah nyanyian. **Jadual 1** di bawah menunjukkan gred bagi ujian pra dan pasca yang dijalankan.

Gred	Markah
A	80-100
B	60-79
C	40-59
D	0-39

**Jadual 1:** Gred dan Markah Ujian

Untuk mengetahui keberkesanannya, perlulah melihat kepada perubahan yang berlaku sebelum dan selepas kaedah nyanyian tersebut dijalankan. Perubahan tersebut dapat dilihat dalam jadual 2 perbandingan gred markah kumpulan rawatan dan kawalan berikut.

Kumpulan	Ujian	Gred			
		A	B	C	D
Rawatan	Pra	-	-	1	9
	Pasca	4	4	2	-
Kawalan	Pra	-	-	-	10
	Pasca	3	2	3	2

**Jadual 2:** Perbandingan Gred Markah Kumpulan Rawatan dan Kawalan

Berdasarkan jadual 2 di atas, terdapat perubahan yang berlaku terhadap gred ujian pelajar bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan. Ujian pra bagi kumpulan rawatan menunjukkan tiada seorangpun daripada mereka mendapat gred A dan B. Data di atas menunjukkan hanya seorang daripada mereka mendapat gred C manakala 9 daripada mereka mendapat gred D. Setelah kaedah berlagu diterapkan terhadap kumpulan rawatan, data menunjukkan perubahan positif apabila 4 orang daripada mereka mendapat gred A, 4 orang mendapat gred B, 2 orang mendapat gred C dan tidak ada seorangpun daripada mereka mendapat gred D.

Hasil kajian ini berbeza bagi kumpulan kawalan. Data di atas menunjukkan semua pelajar mendapat gred D dan tidak ada seorang pun dari mereka mendapat gred A, B dan C dalam ujian pra. Setelah kaedah *bernazam* dipraktikkan terhadap kumpulan kawalan, data menunjukkan perubahan positif apabila 3 orang daripada mereka mendapat gred A, 2 orang mendapat gred B, 3 orang mendapat gred C dan 2 orang mendapat gred D. Walaupun kaedah *bernazam* ini tidak dapat meningkatkan prestasi hafalan hadis sepenuhnya tetapi kaedah ini berjaya mengurangkan bilangan pelajar gagal yang mendapat gred D. Untuk mengetahui lebih jelas perubahan tersebut boleh dilihat dalam jadual 3 keputusan ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan dan kawalan berikut.

	Kumpulan	Rawatan	Kumpulan	Kawalan
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian Pra	Ujian Pasca
R1	16	90	10	82
R2	40	74	16	66
R3	32	86	14	50
R4	30	88	22	58
R5	26	92	26	84

R6	12	62	24	44
R7	14	68	20	64
R8	22	50	22	30
R8	26	76	30	80
R10	14	50	14	20


**Responden**

**Markah (%)**

**Jadual 3:**

Keputusan Ujian Pra dan Pasca Bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan

Perbandingan keputusan ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan dan kawalan juga dinyatakan dalam bentuk graf seperti dalam rajah 2 dan 3 berikut.




Rajah 2: Graf Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Pasca Kumpulan Rawatan

**Berdasarkan rajah 2 di atas,** kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan pencapaian yang baik apabila mereka mendapat markah yang baik dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Peningkatan yang paling ketara dapat dilihat kepada responden 1 (R1). Dalam ujian pra, R1 hanya mendapat markah sebanyak 16% manakala selepas rawatan dengan menggunakan kaedah bernazham, R1 mendapat markah sebanyak 90%. Ini menunjukkan bahawa R1 memperolehi peningkatan yang mendadak sebanyak 74%. Manakala peningkatan markah terendah dicatatkan oleh R8 iaitu hanya meningkat sebanyak 28% iaitu dari 22% di ujian Pra dan mendapat 50% di ujian Pasca.

Selain itu, R3, R4, R5, R6, R7 dan R9 menunjukkan peningkatan markah ujian yang baik juga sebanyak 50% ke atas dan hanya 2 orang pelajar sahaja menunjukkan peningkatan yang kurang baik iaitu R2 dan R10 yang hanya memperolehi peningkatan sebanyak 34% dan 36%. R3 menunjukkan peningkatan sebanyak 54%, R4 sebanyak 58%, R5 sebanyak 66%, R6 sebanyak 50%, R7 sebanyak 54% dan R9 sebanyak 50%. Hasil keseluruhan berjaya menunjukkan peningkatan apabila menggunakan kaedah bernazham dalam menghafal hadis. Markah yang tertinggi dicatat adalah 92% yang diperolehi oleh R5 manakala markah terendah pula adalah 50%. Jadi, keseluruhan kumpulan rawatan melepasi tahap



peratusan lulus iaitu 40% ke atas. Kaedah nyanyian juga dapat meningkatkan pencapaian yang baik bagi kumpulan kawalan, perubahan tersebut dapat dilihat dalam graf berikut.



**Rajah 3:** Graf Perbandingan Markah Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan

Berdasarkan rajah 3 di atas, kumpulan kawalan memperoleh hasil yang positif apabila kumpulan ini berjaya mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 72% berbanding 74% di kumpulan rawatan yang dicatat oleh R1. Begitu juga R2, R5 dan R9 yang menunjukkan peningkatan lebih dari 50% di dalam ujian pasca berbanding ujian pra. R2 meningkat sebanyak 50%, R5 pula sebanyak 58% dan R9 sebanyak 50%. Selebihnya menunjukkan peningkatan yang tidak memuaskan iaitu R3 dan R4 hanya meningkat sebanyak 36%, R6 sebanyak 20%. Walaubagaimanapun R7 menunjukkan peningkatan yang hampir memuaskan iaitu 44% manakala R8 dan R10 hanya boleh meningkat di bawah 10% iaitu 8% dan 6%.

Markah tertinggi dalam kumpulan kawalan tidaklah setinggi kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan hanya mendapat 84% berbanding kumpulan rawatan yang mendapat 92%. Keseluruhan pelajar kumpulan rawatan memperoleh markah lulus dalam ujian pasca manakala kumpulan kawalan pula mendapati 2 orang daripada mereka gagal dalam ujian pasca tersebut.

### **Keberkesanan Kaedah Berlagu Atau Bernazham Dalam Meningkatkan Daya Ingatan Hafalan Hadis Para Pelajar.**

Analisis pemarkahan pelajar bagi ujian pasca dari kedua-dua kumpulan membuktikan bahawa proses pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan kaedah bernazham dapat meningkatkan hafalan hadis berbanding dengan menggunakan kaedah tradisional. Bagi membuktikan keberkesannya pengkaji telah menjalankan kajian kaedah nyanyian bagi meningkatkan daya hafalan hadis terhadap pelajar tingkatan 4 MTSTDE. Hasil kajian tersebut dapat dilihat dalam **jadual 4 berikut**.

	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan
Kumpulan Rawatan	23.2	73.6	50.4
Kumpulan Kawalan	19.8	57.8	33.0

**Jadual 4:** Perbandingan Nilai Min Ujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Berdasarkan jadual 2 di atas, kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan sebanyak 50.4. Hal ini membuktikan wujudnya perbezaan nilai min antara ujian pra dan pasca iaitu dari 23.2 kepada 73.6. Kumpulan kawalan juga menunjukkan peningkatan nilai min antara ujian pra dan pasca sebanyak 33.0 dari 19.0 kepada 57.8.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa kaedah berlagu atau bernazam mampu memberi kesan positif dalam meningkatkan daya ingatan hafalan hadis para pelajar. Perkara ini dapat dibuktikan dengan hasil kajian yang dijalankan terhadap pelajar tingkatan 4 MTSTDE. Hasil kajian menunjukkan bahawa kumpulan rawatan yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah berlagu atau bernazam dapat menguasai dan mengingat 10 buah hadis dengan baik berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional.

## RUJUKAN

- Abdullah Jalil. (2020). *Empat Puluh (40) Hadith Imam Nawawi Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Shariat*. Nilai: Wisdom Publication.
- Abdullah, R. & Hussin, S. (2018). Penggunaan Lagu dalam Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian*, 34(3).
- Abdul Razab, H. & Sharaai, A. H. (2012). Kaedah Nyanyian Dalam Mengatasi Masalah Miskonsepsi Dalam Kalangan Murid Tahun 3 Dalam Topik Magnet. *Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari 2012*. Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam Pulau Pinang, 19 – 20 September 2012.
- Ab Majid, M. K. & Yusof, M. (2008). Ke arah Memperkasakan Islamisasi Meni Muzik Mebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal. *Jurnal Hadhari* Edisi Khas: 105- 121.
- Ahmad. N. (2019). Keberkesanan Kaedah SINGONIM Dalam Membantu Pelajar Mengingat 13 Rukun Solat. *International Innovation Teaching and Learning Language Education Conference (INTELEC)*. Universiti Teknologi Mara.
- Al-Jurdānī, Muḥammad bin Mathar. (2005). *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyah*. Riyad: Maktabah Dar al-Manhaj.
- Al-Marasalī, Yūsuf. (2017). *‘Ulum Ḥadīs Syarīf*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Masat, Ḥasan Muḥammad. (1978). *Arba’ūn Ḥadīsan min Abwāb al-Syattā fi Targhīb wa Tarhīb*. Riyad: Matba’ah al-Banawi.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahya. (2014). *Sharḥ al-Arbain al-Nawawiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qarḍāwī, Yūsuf. (1996). *Al-Islam wa al-Fann*. Al-Qaherah: Maṭba’ah al-Madanī.
- Al-Tirmīdhī, Abū ‘Īsā Muḥammad bin Īsā. (1996). *Al-Jāmi’ al-Kabīr*. Beirut: Dar al-Garb al-Islāmī.
- Baharom, N. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Seman, Z., Awang Kechik, A. A. & Suffian Ahmad, Z. A. (2014). Nyanyian dan Muzik Mengikut Pandangan Hukum oleh Tuan Guru Hj. Abdul Rahman Pondok Sungai Durian Kuala Krai Kelantan. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*. Kuala Lumpur, 17 – 18 November.
- Daud, H. M., Yussuf, A., Adabi, F., Kadir, A., & Islam, P. (2020). *Pembentukan Akhlak Dan Sahiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam*. 17(9), 75–89. Retrieved at 20 September 2021 <http://journalarticle.ukm.my/17017/>
- Dhindsa, H. S., Makarimi-Kasim, & Anderson, O. R. (2011). Constructivist-Visual Mind Map Teaching Approach and the Quality of Students’ Cognitive Structures. *Journal of Science Education and Technology*, 20(2), 186–200. <https://doi.org/10.1007/s10956-010-9245-4>.
- Ḥammad, Ghānim Qudurī. (2002). *Muḥādarah fi ‘Ulūm al-Qurān*. Oman: Dar ‘Amar.
- Hamzah, N., Omar, R., Ariffin, A., Rubani, S. N. K., & Subramaniam, T. S. (2018). Penggunaan Kaedah Nyanyian Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi. Online Journal for TVET

- Practitioners. Retrieved at 2 February 2022 from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4812>
- Ilyas Temrin, M. M. & Muhamed Ali, M. A. (2017). Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Di Malaysia. *Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 2 (1), 5–9.
- Imam Koning, S., Nasrifan, M. N., Md. Junus, N. W., & Nor Azmi, N. (2021). Integrasi Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 92-102. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.sp.10.2021>
- Mat Saad, M. L. (2011). *Penggunaan Kaedah Nyanyian Dapat Menarik Minat dan Meningkatkan kemahiran Membaca Perkataan (Vkv, Kvk, Vkv, Kvk) Kemahiran Membaca Perkataan (Vkv, Kvk, Vkv, Kvk) Murid Prasekolah*. Seminar Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Sultan AIPG Kampus Sultan Abdul Halim 2011.
- Mohamad, A. H., Baharudin, H., Jusoh, A. H., & Muda, M. Z. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Melalui Kaedah Nasyid. *The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (Islac 2017)*, [4th-5th Mac 2017]. ISBN: 978-967-0899-57-2.
- Mohamed, A. H. (2016). *Teknik Nyanyian Dan Permainan Karom Membantu Murid Tahun Satu Mengenal Kedudukan Dan Bilangan Titik Huruf Jim, Cha, Ha Dan Kha Dengan Betul*. Laporan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam Sekolah Rendah) Dengan Kepujian. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Noor, A. Y., & Rosli, Q. (2017). *Perkembangan Metodeologi Pengajaran dan Pembelajaran Hadith Di Negeri Kedah*. 2(2). <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5036>
- Mohd Salleh, M. R. & Zulkifli, H. (2020). *Penggunaan Didik Hibur Dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan*. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, Vol. 4, No. 2 (2020), 1-16.
- Murad, A. & Abdullah, N. (2016). Pembangunan modul peta pemikiran I-think bagi mata pelajaran sains tahun 5 sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 6(2), 44–55.
- Mustapha, A. S. & Mubarak, M. Z. (2006). Dakwah Melalui Muzik dan Nyanyian: Satu Perbincangan. *Kertas kerja Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Pengajian dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos.
- Muthoharoh, L. (2017). *Peningkatan Kemampuan Menghafal Hadis Dengan Teknik Resitasi dan Lagu Populer (Guler) Pada Siswa Raudlatul Athfal (RA)*. Retrieved at 10 February at 2022 from <https://123dok.com/document/zwwdenlz-peningkatan-kemampuan-menghafal-resitasi-populer-raudlatul-murtadlo-salatiga.html>
- Omar, M. R., Shamli, N. A. & Mohammed Shahid, S. (2014). Metodeologi Pengajaran Dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam : Kebitaraan Pendekatan Rasulullah S.A.W Sebagai Pendidik. *Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia 2014 (INSAN2014)*, 3 April, 14.
- Pantun, R. (2016). Penggunaan Teknik Nyanyian Dalam Meningkatkan Kefahaman Murid Tahun Dua Dalam Topik Pembundaran. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara.
- Peter, P. (2009). Teknik Nyanyian Dalam Mengenal, Menulis dan Mengira Nombor Asas 1-10. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL 2012*, 45-55.
- Rosli, Q. & Mohd Nor, A. Y. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis, Alor Setar, Kedah: *Tinjauan Awal*. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2015)*, 1(1), 131–138. <http://conference.ukm.my/KASPI15>. Retrieved at 20 September 2021 from <https://www.ukm.my/fpi/wp-content/uploads/2016/09/KASPI-2015-WEB.pdf>
- Royo, M. A. & Mahmood, H. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal Educational Psychology and Counseling*, (2) 145–173.
- Syed Hassan, S. N., Mohd Amin, M. Z. & Syed Hassan, S. N. (2014). Kajian Penerimaan Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Berbantuan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah. 7 (1). Retrieved at 10 February 2022 from [https://www.researchgate.net/publication/283032029\\_KAJIAN\\_PENERIMAAN\\_PENSYARAH\\_TERHADAP\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_HADITH\\_BERBANTUKAN\\_LAMAN\\_WEB\\_AL-DURAR\\_AL-SANIYYAH](https://www.researchgate.net/publication/283032029_KAJIAN_PENERIMAAN_PENSYARAH_TERHADAP_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_HADITH_BERBANTUKAN_LAMAN_WEB_AL-DURAR_AL-SANIYYAH)
- Yabi, S., Kadri, S., Mohd Nor, Z. & Mohd Amin, M. F. (2017). Pengajaran Kursus Ulum Hadith di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa

- Kini. *Journal of Ma alim Al-Qur an Wa Al-Sunnah*, 13 (14).
- Za'ba, S. Z. (2018). "V: Al-Ghinā'U Wa Al-Harakatu" Membantu Murid Mengingat Rukun Dan Sunat Wuduk. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, (1), 183-193.
- Zain, Hamzah Ahmad. (2009). *Sahāh al-Aḥadīs fī Mā Ittafaqa 'Alayh Ahl al-Ḥadīs*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.